



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : USUL FIQH**  
**KOD KURSUS : DPI2103**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Pengasas kepada ilmu Usul Fiqh ialah :

- A Imam Hanafi
- B Imam Maliki
- C Imam Syafi'i
- D Imam Hanbali

2. Antara faktor para sahabat berkeupayaan mengistinbatkan hukum terus daripada al-Quran dan as-Sunnah ialah :

- i. Mereka merupakan para perawi hadis
- ii. Penguasaan bahasa arab yang baik
- iii. Mengetahui sebab penurunan al-Quran
- iv. Timbul banyak masalah baru yang tiada nas secara khusus

- A i,ii
- B i,iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii

3. Pengetahuan tentang hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf.

Kenyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A Usul
- B Al-Fiqh
- C Usul Fiqh
- D Ilmu Usul Fiqh

4. Berikut adalah kepentingan ilmu Usul Fiqh kepada pemerintah:

- A Disanjung tinggi
- B Menghargai jasa para ulama
- C Memahami selok-belok hukum
- D Menjatuhkan hukuman dengan tepat

5. Ilmu Usul Fiqh merupakan salah satu daripada cabang ilmu pengetahuan Islam.

Bilakah ilmu tersebut muncul?

- A awal kurun pertama hijrah
- B akhir kurun pertama hijrah
- C awal kurun kedua hijrah
- D akhir kurun kedua hijrah

6. Antara berikut yang manakah merupakan tokoh ilmu Usul Fiqh?

- i. Abdul Malik bin Abdullah al-Juwaini
- ii. Muhammad bin Idris as-Syafi'i
- iii. Abu Husain Muhammad Ali Basri
- iv. Imam al-Ghazali

- A i,ii
- B i,iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii

7. Hukum syarak terbahagi kepada:

- A Taklifi dan Wad'i
- B Ijab dan Tahrim
- C Karahah dan Ibahah
- D Sebab dan Syarat

Pembahagian pusaka tidak diberikan jika terdapat perbezaan agama antara orang yang menawarkan harta dengan ahli waris


8. Pernyataan di atas merujuk kepada bahagian hukum wad'i, iaitu:

- A Sebab
- B Mani
- C Syarat
- D Fasad

9. Hukum wajib dari sudut pelaksana terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. *Wajib Aini*
- ii. *Wajib Mutlaq*
- iii. *Wajib Kifayah*
- iv. *Wajib Muqayyad*

- A i,ii
- B i,iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii



10. Hukum yang bertanda X ialah \_\_\_\_\_

- A Makruh
- B Harus
- C Mani'
- D Sunat

11. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam"* (Surah al-Isra' ayat 78)

Maksud ayat di atas menunjukkan cotoh hukum \_\_\_\_\_

- A Wajib
- B Sunat
- C Sah
- D Sebab

12. Berikut merupakan hukum yang terdapat dalam al-Quran kecuali

- A Hukum I'tikad
- B Hukum Amaliyah
- C Hukum Jenayah
- D Hukum Akhlak

13. Dalil-dalil yang disepakati terdiri daripada

- A Al-Quran dan Hadis
- B Al-Quran, Hadis, Ijmak, Qiyas
- C Al-Quran, Istihsan, Ijma', As-Sunnah
- D Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Istihsan

14. 'Rasullullah SAW melakukan solat di hadapan para sahabat'

Kenyataan di atas menunjukkan \_\_\_\_\_

- A Sunnah Fi'liyyah
- B Sunnah Takririyyah
- C Sunnah Qauliyyah
- D Sunnah Hamiyyah

15. Antara berikut yang manakah contoh sunnah Nabi SAW?

- A Bersugi sebelum solat
- B Melakukan solat lima waktu
- C Perniagaan berunsurkan riba'
- D Berburu binatang selepas bertahallul

16. 'Persepakatan yang berlaku secara jelas dikalangan semua mujtahid sama ada melalui kata-kata maupun perbuatan'

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Ijmak Ahli Madinah
- B Ijmak Sorih
- C Ijmak Sukuti
- D Ijmak Ulama Kufah

17. Rukun Qiyas adalah seperti berikut kecuali

- A Asal
- B Furu'
- C Illah
- D Syaz

18. Maslahah dibuat bertujuan untuk kebaikan manusia yang meliputi prinsip

- 
- i. *Hajiyyat*
  - ii. *Tahsiniyyat*
  - iii. *Dharuriyyat*
  - iv. *Hamiyyat*
- A i,ii
  - B i,iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii

19. Ulama mazhab yang menerima Istihsan sebagai sumber hukum ialah

- A Hanafi, Malik, Hanbali
- B Syafi'i, Hanafi, Malik
- C Syafi'i, Malik, Hanbali
- D Syafi'i, Hanafi, Hanbali

20. 'Memasuki masjid dengan menanggalkan kasut'.

Perbuatan di atas merujuk kepada uruf \_\_\_\_\_

- A Uruf Am
- B Uruf Khas
- C Uruf Sahih
- D Uruf Fasid

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan sumber hukum pada zaman Tabi' Tabi'in  
(4 Markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** kaedah Imam as-Syafi'i dan Mutakallimin dalam penyusunan ilmu Usul Fiqh  
(4 Markah)
- c. Ilmu Usul Fiqh penting kepada umat Islam.  
Berikan tujuan ilmu Usul Fiqh dipelajari  
(2 Markah)

**SOALAN 2**

- a. Nyatakan pengertian hukum Taklifi  
(2 markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** bahagian hukum Taklifi  
(4 markah)
- c. Berikan hukum syarak dari maksud ayat di bawah:
  - i. '*Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat'*  
(al-Baqarah ayat 43)
  - ii. '*.....dan makanlah serta minumlah kamu'*  
(al-a'raf ayat 31)
  - iii. '*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan jalan yang jahat'*  
(al-Isra' ayat 32)
  - iv. '*Sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (mengetahui), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu'*  
(al-Baqarah ayat 185)  
(4 markah)

**SOALAN 3**

- a. Berikan pengertian al-Quran  
(2 Markah)
- b. Nyatakan **empat(4)** jenis kandungan ayat al-Quran  
(4 Markah)
- c. Jelaskan **dua(2)** ciri-ciri al-Quran  
(4 markah)

**SOALAN 4**

- a. Nyatakan pengertian as-Sunnah  
(2 markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** peranan as-Sunnah  
(4 markah)
- c. Huraikan pengertian *Sunnah Taqririyyah* beserta contoh  
(4 markah)

**SOALAN 5**

- a. Nyatakan pembahagian al-Qiyas dari sudut illah  
(2 markah)
- b. Jelaskan pengertian *Qiyas al-Awla* beserta contoh  
(4 markah)
- c. Al-Quran telah menetapkan hukum haram ke atas arak.  
Terangkan cara ulama' menetapkan hukum haram terhadap pengambilan dadah  
(4 markah)

**SOALAN 6**

- a. Jelaskan peringkat-peringkat yang termasuk dalam maslahah yang diiktibar syarak beserta contoh  
(6 markah)
- b. Berikan **dua(2)** alasan ulama yang menerima Masalih Mursalah sebagai sumber hukum  
(2 markah)
- c. Nyatakan **dua(2)** golongan yang menolak Masalih Mursalah sebagai sumber hukum  
(2 markah)

**SOALAN 7**

- a. Berikan pengertian al-Uruf  
(2 markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** syarat penerimaan Uruf sebagai sumber hukum  
(4 markah)
- c. Nyatakan pengertian berikut beserta contoh
  - i. Uruf Perkataan
  - ii. Uruf Fasid  
(4 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan, jawab **SATU(1)** soalan sahaja.  
Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Huraikan **empat(4)** cara bagaimana ilmu Usul Fiqh dapat membantu para graduan Perbankan Islam memahami perjalanan operasi perbankan moden yang bertepatan dengan konsep syariat

(20 markah)

**SOALAN 2**

*Uruf dan adat kebiasaan itu merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam keadaan ketiadaan nas selagi ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak. Uruf dan adat ini juga adalah suatu perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat secara berulang kali sehingga ianya kadang kala sebatи dalam sesebuah masyarakat*

Huraikan **empat(4)** secara terperinci adat yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat khususnya di negara Malaysia.

(20 markah)

**[20 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

